

TAIWAN + ALISHAN

5 HARI 4 MALAM



SOKA Melancong



Melancong.my

KPL/LN 7816 1114604 - D
Hadigo
Travel & Tours Sdn Bhd

MEMUDAHKAN PERCUTIAN ANDA!

Pejabat Urusan: No 12-2, Ken Rimba
Jalan Lengkuas C,16/C, Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor.

HOTLINE: 6012-675-6884

5H4M TAIWAN + ALISHAN



3* Hotel

Chiayi Renyi Lake Hotel 2 Mlm

Taipei Delight Hotel 2 Mlm

Penerbangan 

HARI 1 MH 366 ETD 0920
KUL / TPE ETA 1410

HARI 5 MH 367 ETD 1515
TPE / KUL ETA 2035

Penerbangan 

HARI 1 D7 378 ETD 0935
KUL / TPE ETA 1425

HARI 5 D7 379 ETD 1535
TPE / KUL ETA 2020

PERBEZAAN
WAKTU

GMT+8

New Taiwan Dollar
TWD10

= Ringgit Malaysia
MYR1.45



Gaomei Wetlands

SOKA Melancong



Jiufen Old Street

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: **Alishan National Scenic Area, Yuyupas Cultural Park** dan **Yehliu Geopark**.
- Pengangkutan bot persiaran di **Sun Moon Lake**.
- Pengangkutan keretapi di **Alishan National Scenic Area**.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

5H4M

TAIWAN + ALISHAN

Taipei - Taichung - Chiayi - Alishan - Nantou - Yehliu

SOKA Melancong

HARI 1 MM

Kuala Lumpur - Taipei - Taichung - Chiayi

- Berkumpul di KLIA1 untuk menaiki penerbangan ke Taipei.

Lawatan di Taichung:

- Masa bebas untuk bersiar-siar, berfoto dan menikmati pemandangan matahari terbenam di **Gaomei Wetlands**. Ditambah lagi dengan barisan kincir angin sepanjang kawasan ini menjadikan pemandangan ini adalah spot yang terbaik untuk foto Instagram dan penuh dengan ketenangan.

Bermalam di Chiayi.

HARI 2 SP/MT/MM

Chiayi - Alishan

Lawatan di Alishan:

- **Alishan National Scenic Area**: Melarikan diri ke kawasan hutan yang mengasyikkan dengan gunung-ganang diselimuti oleh awan, sambil menaiki keretapi lama yang masih digunakan semenjak zaman pemerintahan Jepun. Juga berpeluang bergambar di pohon Sacred Tree berumur lebih dari 3,000 tahun.
- **Yuyupas Cultural Park**: Melawat ke salah satu perkampungan orang asli di Taiwan. Terdapat rumah-rumah tradisional mereka dengan jualan teh dan kopi buatan sendiri serta menonton cultural show.

- **Chukou Visitor Centre**: Berehat sebentar untuk solat dan menikmati keindahan pokok berwarna merah jambu dan ungu sambil menghirup kopi dengan sedikit bayaran tambahan.

Bermalam di Chiayi.

HARI 3 SP/MT/MM

Chiayi - Nantou - Taipei

Lawatan di Nantou:

- **Xiangshang Visitor Centre**: Bangunan yang direka bentuk seperti lengan manusia yang memeluk bumi. Di samping itu, tetamu boleh menikmati dan mengambil foto pemandangan indah Sun Moon Lake dari atas kanopi gergasi.
- Menikmati keindahan **Sun Moon Lake** dengan menaiki bot persiaran melihat keindahan tasik semulajadi ini yang dikelilingi pergunungan hutan hijau yang berbentuk bulan di satu bahagian dan berbentuk matahari. Satu pengalaman yang menakjubkan untuk berfoto bersama teman.



Sun Moon Lake



- Membeli-belah di **Ximending Night Market** yang terletak di kawasan Ximending Walking District. Pasar malam ini merupakan antara yang terkenal di Taiwan dan terdapat ratusan gerai dan kedai menjual pelbagai barangan.

HARI 4 SP/MT/MM **Taipei - Yehliu**

Lawatan di **Yehliu**:

- **Yehliu Geopark**: Kawasan yang terletak di pantai utara Taiwan ini terkenal dengan tarikan formasi batuan yang unik seakan sarang madu lebah dan cendawan, spot yang sempurna untuk foto tetamu melawat Taiwan. Formasi batuan yang paling terkenal di sini ialah Queen's Head dan Dragon's Head. Di sini juga terdapat pelbagai jenis spesies burung yang jarang dilihat.



Yehliu Geopark



Alishan National Scenic Area

Lawatan di **Taipei**:

- Menelusuri tarikan yang terdapat di bandar lama **Jiufen Old Street** yang berinspirasi seni bina Jepun seperti kedai cenderamata, kedai makanan ringan tradisi dan juga mengambil gambar di viewpoint laut.
- Melawat **Taiwan Cultural and Creative Arts Center** yang memaparkan pelbagai jenis ukiran yang unik dari pelbagai jenis sumber seperti batu jeda, kristal dan juga kayu.
- Bersolat di **Taipei Grand Mosque** yang merupakan masjid yang tertua di Taiwan yang dibina pada 1948.

Bermalam di Taipei.

HARI 5 SP **Taipei - Kuala Lumpur**

- Melawat **National Chiang Kai-Shek Memorial Hall** yang dibina pada 1980 bagi memperingati jasa mendiang bekas Presiden Taiwan itu dan di dataran Liberty Square sini juga terdapat National Theater dan National Concert Hall.



Taipei Grand Mosque

- **Shilin Residence Garden**: Lawatan ke taman yang mempunyai pelbagai bentuk unik untuk bergambar disini.
- Pelajari cara pembuatan kek tradisional di **DIY Pineapple Cake**.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.
Tiba di KLIA.